

Futsal lelaki KKTM rangkul emas Karnival Sukan Kolej

UB 19.12.2018 A10

Oleh YAP SIONG HAN

KOTAKINABALU:Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) UMS muncul johan pertandingan futsal kategori lelaki Karnival Sukan Kolej (Karsukol) anjuran Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Bertempat di Arena Kompleks Sukan UMS, pasukan itu tampil dengan aksi memberangsangkan pada perlawanan akhir

yang berlangsung sengit menyaksikan pasukan KKTM menang tipis dengan jaringan 1-0 menewaskan Kolej Kediaman Excellent UMS.

Kapten pasukan KKTM Norhisam Hashimudin berkata, pencapaian itu adalah diluar jangkaan memandangkan persiapan yang terhad dan para pemain tidak berkesempatan untuk mengadakan latihan dalam satu pasukan sebelum pertandingan.

“Namun apa yang

menjadi kunci kejayaan ini adalah kesemua pemain mempunyai semangat juang yang tinggi dan saling mencipta persefahaman antara satu sama lain sepanjang perlawanan yang dilalui,” katanya dalam satu kenyataan disini pada Selasa.

Beliau berkata, pasukan KKTM juga beruntung kerana dibarisi beberapa pemain yang berpengalaman dalam bermain futsal diperingkat kejohanan lebih besar.

“Kita bercadang untuk menyertai beberapa lagi kejohanan pada masa akan datang dan menyasarkan lebih banyak kejayaan,” katanya.

Untuk rekod, Karsukol adalah acara sukan tahunan bagi kolej-kolej kediaman di UMS yang melibatkan pelbagai jenis sukan termasuk futsal.

BARISAN pemain yang mewakili pasukan futsal KKTM UMS.

